



Tel : 04-2615669
Fax/Tel : 04-2628664
E-mail : secretariat@penangbar.org
Website : www.penangbar.org

No. 4. Green Hall,
1st Floor,
10200 Penang,
Malaysia.

JAWATANKUASA PEGUAM PULAU PINANG PENANG BAR COMMITTEE

CPC 29/21

1 July 2021

To Members of the Penang Bar,

Update No 1: Information Pertaining to Operations at Office of Lands and Mines, Penang during extended "Total Lockdown Phase 1"

Further to our [Circular CPC 28/21](#), we have subsequently received a letter dated 1 July 2021 from Dato' Haji Zulkifli Bin Long, Director of the Office of Lands and Mines, Penang ("PTG Penang") on the operations and dealings at PTG Penang during the extended "Total Lockdown Phase 1" with effect from 1 July 2021.

The said letter which contains relevant details on the operations of PTG Penang is appended below for Members' information and attention.

Members will be updated further as and when we receive additional information from PTG Penang.

Zemilah Binti Mohd Noor
Chairperson
Conveyancing Practice Subcommittee



PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG
PARAS 3, 21 DAN 22
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR)
10000 PULAU PINANG



Tel: 04 - 650 5211 (Pejabat Am)
Faks: 04 - 2619588
Laman Web: <http://ptg.penang.gov.my>

Ruj.kami : PTGPP/PHMT/431 JILID 27 (50)

Tarikh : 1 Julai 2021

Jawatankuasa Peguam Pulau Pinang
Jalan Green Hall, George Town
10200 George Town
PULAU PINANG

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PEMBUKAAN SEMULA KAUNTER PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan pengumuman YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara pada 29 Jun 2021 berhubung pengoperasian perkhidmatan kaunter bagi pejabat Kerajaan dengan kapasiti tidak melebihi 50%, Pentadbiran ini telah memulakan operasi Kaunter PTGPP bermula 1 Julai 2021 dengan pematuhan kepada SOP yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan.
3. Untuk makluman, semua perkhidmatan kaunter PTGPP hanya akan dilaksanakan melalui Sistem Temujanji Perserahan sahaja. Permohonan tempahan slot temujanji untuk urusan Urusniaga dan Bukan Urusniaga akan dibuka pada 2 Julai 2021 (Jumaat), jam 3 petang untuk tarikh temujanji bermula 5 Julai 2021 sehingga 30 Julai 2021.
4. Waktu kaunter beroperasi mulai 8 pagi hingga 1 tengahari.
5. Setiap firma guaman diperuntukkan 3 slot temujanji sebulan di mana setiap slot dibenarkan untuk 10 hakmilik (Maksimum 3 hakmilik untuk perserahan dan baki 7 hakmilik untuk lain-lain urusan selain perserahan, seperti carian rasmi, carian persendirian, pendua hakmilik, kaveat, permohonan pembetulan seksyen 380, salinan sah hakmilik, pendaftaran surat kuasa wakil, surat akuan, dan lain-lain).
6. Sebagai tambahan, permohonan temujanji kepada orang awam akan dibuka melalui satu platform yang berlainan. Sekiranya Pentadbiran ini dapat mengesan terdapat permohonan oleh pihak peguam menggunakan platform tersebut, semua temujanji akan dibatalkan.

SILA SEBUTKAN NO. RUJUKAN PEJABAT INI APABILA MENJAWAB

**CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS
KE ARAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN TANAH**

7. Permohonan Kebenaran Pihak Berkuasa Negeri (State Consent & Foreign Consent) dan permohonan yang berkaitan dengannya akan diterima melalui kaedah "Dropbox" di ruang kaunter tingkat 3, KOMTAR. Status permohonan akan dimaklumkan secara emel kepada pemohon.

8. Pihak tuan/puan adalah dimohon untuk sentiasa merujuk Portal PTGPP atau Facebook PTG untuk maklumat temujanji dan arahan PTGPP terkini dari semasa ke semasa.

Perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan adalah dimohon untuk menyampaikan pemakluman ini kepada semua ahli-ahli Penang Bar.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"



(DATO' HAJI ZULKIFLI BIN LONG)

Pengarah Tanah Galian

Pulau Pinang

Tel.: 04-6505200

Emel : zulkifli.long@penang.gov.my